

BÅB III

BAB III

PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KAFA DI KANGAR, PERLIS

3.1 PENGENALAN

Dalam Bab III, penulis mengkaji bagaimanakah program KAFA di Kangar, Perlis itu ditadbir dan diuruskan setelah penulis menghuraikan perihal kandungan program tersebut dalam Bab II yang lepas.

Ini adalah untuk melihat pengendalian program KAFA di lokasi kajian yang melibatkan pihak pentadbir KAFA (Unit KAFA), pentadbir lokasi-lokasi KAFA (Pentadbir Sekolah/JKKK), guru-guru dan murid-muridnya.

Aspek-aspek yang dikaji penulis berkenaan pentadbiran KAFA di dalam Bab III ini, merangkumi Organisasi KAFA, Penyelia KAFA, Kursus-kursus dan Latihan-latihan KAFA, Ujian Pencapaian Kelas KAFA (UPKK) dan Buku-buku Sumber KAFA.

Manakala aspek-aspek yang dikaji berkenaan pengurusan KAFA, merangkumi pengurusan kewangan KAFA, pewujudan kelas KAFA, pendaftaran guru-guru KAFA, pendaftaran murid-murid KAFA dan penyediaan kemudahan P&P KAFA di lokasi kajian.

3.2 PENTADBIRAN KAFA

3.2.1 Organisasi KAFA

3.2.1.1 Unit KAFA, Bahagian Pendidikan, JAIPs

Unit KAFA di Kangar diletakkan di bawah pengendalian Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Perlis. Bahagian Pendidikan, JAIPs ini terdiri daripada tiga unit iaitu:-¹⁵¹

3.2.1.1 Unit Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA)

3.2.1.2 Unit Sekolah

3.2.1.3 Unit KAFA

Bahagian Pendidikan di JAIPs ini mempunyai 6 orang kakitangan iaitu; seorang Ketua Penolong Pengarah (KPP), seorang Penolong Pengarah Pendidikan, tiga orang Penyelia KAFA dan seorang Pembantu TADIKA.¹⁵² Carta organisasi Bahagian Pendidikan JAIPs adalah seperti di Lampiran 4.

Unit KAFA di Bahagian Pendidikan, JAIPs ini, terdiri daripada tiga orang penyelia yang bertugas menyelia perjalanan program KAFA dan guru-gurunya yang bertugas bagi tiga kawasan parlimen di Perlis iaitu Parlimen Kangar, Parlimen Padang Besar dan Parlimen Arau.¹⁵³ Carta organisasi Unit KAFA di Bahagian Pendidikan, JAIPs dan bidang-bidang tugasnya adalah seperti di Lampiran 5 dan Lampiran 6.

¹⁵¹ Laporan Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (2000), Kangar: JAIPs, h. 1.

¹⁵² *Ibid.*

¹⁵³ *Ibid.*

Seluruh 121 buah kelas KAFA di Kangar ini, dikendalikan oleh 121 orang guru. Senarai lokasi-lokasi KAFA di Kangar, Perlis, dan guru-gurunya, adalah seperti di Lampiran 7.

3.2.1.2 Persatuan Guru-guru al-Quran dan Fardu Ain

Persatuan Guru-guru al-Quran dan Fardu Ain ditubuhkan pada tahun 1997 dan keahliannya adalah secara automatik kepada semua guru KAFA di Perlis, termasuk di Kangar.¹⁵⁴

Persatuan ini dinaungi oleh Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Perlis (JAIPs) dan penasihatnya ialah KPP Bahagian Pendidikan, JAIPs. Ia dipengerusikan oleh seorang Yang Dipertua (YDP) yang dipilih oleh para ahlinya.¹⁵⁵

Encik Khouruddin bin Uthman yang merupakan YDP persatuan ini menjelaskan bahawa matlamat asal penubuhan persatuan tersebut adalah untuk menguruskan hal ehwal kebajikan para guru KAFA. Justeru, yuran sebanyak RM10.00 dikenakan ke atas setiap ahli di mana 70 peratus daripada jumlah yuran tersebut, di masukkan ke dalam Tabung Kebajikan bagi menguruskan hal ehwal kebajikan para ahlinya.¹⁵⁶

¹⁵⁴ Temubual bersama Encik Khouruddin b. Othman, YDP Guru-guru al-Quran dan Fardu Ain Negeri Perlis, pada 30 Jun 2003.

¹⁵⁵ *Ibid.*

¹⁵⁶ *Ibid.*

Untuk itu, sebanyak RM100.00 diperuntukan daripada tabung tersebut, sebagai sumbangan khairat kematian dan sebanyak RM20.00 diperuntukan bagi kes-kes sakit kronik atau bersalin yang melibatkan mana-mana ahli persatuan.¹⁵⁷

Baki 30 peratus daripada jumlah yuran tersebut pula, diperuntukkan bagi mengadakan kursus-kursus dan latihan-latihan kemahiran bagi para ahli (guru-guru KAFA).¹⁵⁸

3.2.2 Penyelia KAFA

3.2.2.1 Perlantikan Penyelia KAFA

Penyelia KAFA di Kangar, Perlis, dilantik secara kontrak oleh JAKIM. Perlantikan tersebut dibuat setelah melalui proses permohonan sebagai penyelia KAFA terlebih dahulu.¹⁵⁹ Contoh Borang Permohonan Jawatan Penyelia KAFA adalah seperti di Lampiran 8.

Mana-mana calon penyelia yang layak, dipanggil kemudianya untuk ditemuduga di peringkat negeri masing-masing. Temuduga bagi jawatan Penyelia tersebut, dijalankan oleh panel yang dilantik oleh JAIPs bersama seorang pegawai yang dinamakan oleh JAKIM.¹⁶⁰

¹⁵⁷ *Ibid.*

¹⁵⁸ *Ibid.*

¹⁵⁹ Temubual bersama Puan Rohaizam b. Abd. Rahim, *op. cit.*, pada 2 Julai 2003.

¹⁶⁰ *Ibid.*

3.2.2.2 Tugas-tugas Penyelia KAFA

Menurut garis panduan yang diletakkan oleh Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam, JAKIM, seorang penyelia dikehendaki menyelia di antara 150 hingga 200 orang guru KAFA di kawasan seliaannya.¹⁶¹

Di samping itu, penyelia dikehendaki menjalankan tugas-tugas berikut:-¹⁶²

- 3.2.2.2.1 Menyelaras dan menyelia aktiviti KAFA dari segi perjalanan kelas di peringkat daerah dan negeri.
- 3.2.2.2.2 Menjadi pagawai perhubungan di peringkat kelas dengan JAIN.
- 3.2.2.2.3 Merancang dan melaksanakan program KAFA dari segi memberi bimbingan dan kursus untuk meningkatkan mutu dan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran.
- 3.2.2.2.4 Menerima, menyemak, mengesah, memproses dan mengemukakan semua tuntutan elaun guru-guru kepada JAIN.
- 3.2.2.2.5 Menyedia dan mengemaskinikan rekod berhubung dengan KAFA serta mengemukakannya kepada JAIN sekerap mungkin.
- 3.2.2.2.6 Menyediakan draf permohonan peruntukan untuk keperluan daerah dalam kawalannya.
- 3.2.2.2.7 Bertanggungjawab kepada Pegawai dan Pegawai Pendidikan Agama Islam di JAIN.
- 3.2.2.2.8 Menyediakan calon untuk menduduki peperiksaan UPKK peringkat negeri.
- 3.2.2.2.9 Menghubungi sekolah untuk pendaftaran UPKK.
- 3.2.2.2.10 Menyediakan bengkel soalan UPKK di peringkat negeri.

¹⁶¹ Garis Panduan Pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardu ain (t.t.), *op. cit.*, h. 6.

¹⁶² *Ibid.*, h. 18-19.

- 3.2.2.2.11 Mengadakan bengkel semakan bagi soalan-soalan yang telah disiapkan di peringkat negeri, sebelum dihantarkan ke JAKIM.
- 3.2.2.2.12 Menjadi peserta bengkel penyediaan soalan UPKK di peringkat pusat.
- 3.2.2.2.13 Menyediakan borang markah bersepadu bagi setiap calon UPKK di peringkat negeri.
- 3.2.2.2.14 Menyediakan keputusan UPKK di peringkat negeri beserta analisisnya, sebelum dihantar ke peringkat pusat.
- 3.2.2.2.15 Mengadakan Kursus Khas Pelaksanaan UPKK peringkat negeri.
- 3.2.2.2.16 Menyediakan sijil UPKK kepada setiap calon yang mengambil peperiksaan.
- 3.2.2.2.17 Lain-lain tugas penyelarasan KAFA yang diarahkan dari masa ke semasa.

3.2.3 Kursus dan Latihan

Menurut Garis Panduan Pelaksanaan KAFA yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM, Kursus-kursus dan Latihan-latihan yang difikirkan patut, hendaklah dianjurkan oleh pihak JAIN dengan kerjasama JPN dan JAKIM dari masa ke semasa bagi meningkatkan kualiti para penyelia dan guru KAFA.¹⁶³

Kursus-kursus dan latihan-latihan hendaklah dirancang dan diatur oleh pihak JAIN, dengan syarat pihak tersebut hendaklah memperolehi peruntukan dan mendapat kebenaran bertulis daripada JAKIM terlebih dahulu.¹⁶⁴

¹⁶³ *Ibid.*, h. 7-8.

¹⁶⁴ *Ibid.*

3.2.3.1 Kursus dan Latihan Para Penyelia KAFA

Bahagian Pendidikan JAIPs dalam mesyuaratnya yang bertarikh 9 Januari 2003 merancangkan beberapa kursus dan latihan bagi sepanjang tahun 2003, untuk para penyelia KAFA negeri Perlis termasuk Penyelia KAFA, Kangar. Kursus-kursus dan latihan-latihan yang dirancang adalah seperti berikut:-¹⁶⁵

- 3.2.3.1.1 Kursus Penyelia dianjurkan di JAKIM.
- 3.2.3.1.2 Kursus Pengurusan Kewangan.
- 3.2.3.1.3 Kursus Pelaksanaan Buku Sumber KAFA.
- 3.2.3.1.4 Bengkel Penyediaan Soalan Peringkat Negeri Perlis dan Pusat.
- 3.2.3.1.5 Kursus Khas Pelaksanaan UPKK.

3.2.3.2 Kursus dan Latihan Para Guru KAFA

Kursus-kursus dan latihan-latihan yang dirancang oleh Bahagian Pendidikan JAIPs, untuk para guru KAFA, Kangar, Perlis adalah seperti berikut:-¹⁶⁶

- 3.2.3.2.1 Kaedah *Iqra'* sebanyak 10 siri.
- 3.2.3.2.2 Kursus Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) KAFA
- 3.2.3.2.3 Kursus Tahsin al-Quran
- 3.2.3.2.4 Kursus Peningkatan Kemahiran al-Quran.
- 3.2.3.2.5 Kursus Khas Pelaksanaan UPKK Peringkat Negeri (khusus kepada para Penilai KAFA)

¹⁶⁵ Minit Mesyuarat Bahagian Pendidikan, JAIPs, *op. cit.*, h. 1-6.

¹⁶⁶ *Ibid.*

Guru-guru KAFA di Kangar adalah digalakkan mengikuti semua kursus-kursus yang disediakan oleh Unit KAFA, JAIPs, kecuali Kursus P&P KAFA yang merupakan **kursus wajib** bagi mereka.¹⁶⁷

3.2.4 Ujian Pencapaian Kelas KAFA (UPKK)

Ujian Pencapaian Kelas KAFA (UPKK) merupakan satu penilaian untuk mengukur tahap pencapaian pelajar dalam subjek-subjek asas yang dipelajari dalam pengajian Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA).¹⁶⁸

Ujian ini diperkenalkan kepada murid-murid Tahun 5 KAFA, sebagai salah satu usaha LEPAI ke arah penyatuan Sijil Kelas al-Quran dan Fardu Ain bagi seluruh Negara termasuk Kangar, Perlis.¹⁶⁹

Matlamat UPKK ini adalah untuk menilai tahap kemahiran dan kebolehan murid tahun 5 dalam bidang Pembacaan dan Penghafazan al-Quran, Amali Solat, Penghayatan Islam dan Kemahiran Menulis dan Membaca Jawi.¹⁷⁰

3.2.4.1 Bidang-bidang Penilaian UPKK

Penilaian tahap kemahiran dan kebolehan murid-murid Tahun 5 tersebut, adalah merangkumi bidang-bidang berikut:-¹⁷¹

3.2.4.1.1 Membaca al-Quran

3.2.4.1.2 Menghafaz al-Quran

¹⁶⁷ Temubual bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim , *op. cit.*, pada 2 Julai 2003.

¹⁶⁸ Buku Panduan Ujian Pencapaian & Pemarkahan Kelas KAFA (t.t.), Kuala Lumpur: Kuala Lumpur: Unit Kurikulum, Cawangan Penyelaras dan Pembangunan Pendidikan Islam, Jabatan Perdana Menteri, h. 4.

¹⁶⁹ *Ibid.*, h. 3.

¹⁷⁰ *Ibid.*, h. 8.

¹⁷¹ *Ibid.*

3.2.4.1.3 Amali Solat

3.2.4.1.4 Cara Hidup Islam

3.2.4.1.5 Membaca dan Menulis Jawi

Guru yang mengajar pelajar berkenaan, diberikan tugas menilai atau menguji pelajar-pelajarnya, menurut bidang-bidang yang dinilai dalam UPKK ini. Dengan cara ini, hasil penilaian adalah lebih adil dan tepat kerana guru-guru lebih mengenali dan mengetahui setakat mana kebolehan para pelajarnya dalam bidang-bidang yang dinilai dan diuji tersebut.¹⁷² Contoh-contoh sebahagian soalan-soalan UPKK adalah seperti di Lampiran 9.

3.2.4.2 Bentuk Penilaian UPKK

UPKK adalah berkonseptan penilaian terbuka, di mana bentuk penilaianya adalah seperti berikut:-¹⁷³

3.2.4.2.1 Berbentuk Lisan (Bacaan al-Quran dan Hafaz al-Quran)

3.2.4.2.2 Berbentuk Amali (Amali Solat)

3.2.4.2.3 Berbentuk Pemerhatian dan Tinjauan (Penghayatan Cara Hidup Islam)

3.2.4.2.4 Berbentuk Tulisan (Jawi, Bahasa Arab, Tajwid, Fikah/Tauhid, Sirah/Akhlaq)

Bentuk soalan dan sebahagian perkara-perkara yang dinilai telah diketahui lebih awal oleh pelajar-pelajar. Oleh yang demikian, para pelajar perlu

¹⁷² *Ibid.*, h. 6.

¹⁷³ *Ibid.*, h. 10.

memahirkan diri mereka masing-masing, dengan perkara-perkara yang terkandung dalam bidang-bidang penilaian tersebut.¹⁷⁴

Guru-guru perlu memandu para pelajar agar kemahiran yang diuji dalam UPKK ini dapat dikuasai sepenuhnya mereka. Mereka diberi masa selama dua bulan, untuk menilai dan menguji para pelajar kelasnya dalam semua bidang kemahiran yang diuji dalam UPKK. Penilaian UPKK bermula pada awal bulan Ogos hingga akhir Oktober bagi tiap-tiap tahun penilaian dibuat.¹⁷⁵

3.2.4.3 Pemarkahan Dalam UPKK

Pemarkahan bagi setiap penilaian terhadap semua bidang-bidang tersebut, adalah berdasarkan skala berikut:-¹⁷⁶

3.1.4.3.1 Gred A (cemerlang)	80 - 100 markah
3.1.4.3.2 Gred B (baik)	60 - 79 markah
3.1.4.3.3 Gred C (memuaskan)	46 - 59 markah
3.1.4.3.4 Gred D (kurang memuaskan)	01 - 45 markah

Pihak sekolah-sekolah atau kelas-kelas terbabit, membuat rumusan markah-markah perolehan murid di dalam Buku Laporan Penilaian Pengajian al-Quran dan Fardu Ain yang disediakan.¹⁷⁷ Contoh Buku Laporan tersebut, adalah seperti di Lampiran 10.

¹⁷⁴ *Ibid.*, h. 3.

¹⁷⁵ *Ibid.*

¹⁷⁶ *Ibid.* h. 8.

¹⁷⁷ *Ibid.*

Borang markah yang telah disiap diisi oleh pihak di Sekolah/Kelas, dihantar kepada Pengarah/Penyelia UPKK negeri, pada awal minggu ketiga Oktober tahun penilaian.¹⁷⁸

3.2.4.4 Penyediaan Soalan-soalan UPKK

Penyediaan UPKK berlaku di Peringkat Pusat (JAKIM), dikendalikan oleh Jawatankuasa Penggubal Soalan-soalan UPKK, Peringkat Kebangsaan. Ia turut melibatkan seorang Penyelia KAFA, merangkap Penyelaras UPKK, Kangar, Perlis, selaku salah seorang ahli bagi Jawatankuasa tersebut. Penyediaan soalan-soalan UPKK adalah menurut proses-proses berikut:-¹⁷⁹

- 3.2.4.4.1 Penyediaan soalan-soalan UPKK dibuat dalam bentuk bengkel di JAKIM dengan teliti, tanpa dibenarkan membawa sebarang bentuk bahan bertulis atau kertas luar. Setelah selesai bengkel ini, maka perjanjian dibuat di antara pihak JAKIM dan para AJK Penggubal soalan-soalan UPKK.
- 3.2.4.4.2 Soalan-soalan yang telah siap digubal pada peringkat pertama, dimurnikan sebanyak dua kali dan dipastikan tiada kesilapan ejaan, bahasa dan sebagainya.
- 3.2.4.4.3 Angkat sumpah kali kedua dibuat bagi memastikan ketelusan soalan-soalan daripada kebocoran.
- 3.2.4.4.4 Proses percetakan dibuat oleh JAKIM bersama Percetakan Keselamatan Negara (PKN).
- 3.2.4.4.5 Penghantaran dibuat oleh PKN ke JAIN seluruh negeri, termasuk JAIPs untuk disimpan di bilik kebal.

¹⁷⁸ *Ibid.*

¹⁷⁹ Temubual bersama Encik Mohamad Sabri b. Hj. Bakar, *op. cit*, pada 13 Mei 2002.

3.2.4.4.6 Unit KAFA menghantar ke sekolah-sekolah di Kangar, Perlis mengikut jadual yang ditetapkan.

3.2.4.5 Syarat-syarat dan Prosedur Menduduki UPKK

Terdapat beberapa syarat kelayakan (bagi murid-murid) untuk menduduki UPKK iaitu:-¹⁸⁰

- 3.2.4.5.1 Belajar di Kelas KAFA sekurang-kurangnya 3 tahun.
- 3.2.4.5.2 Murid darjah 5 KAFA berumur 11 tahun.
- 3.2.4.5.3 Berdaftar untuk menduduki UPKK.
- 3.2.4.5.4 Warga negara Malaysia.

Murid-murid yang layak dikehendaki mendaftar untuk menduduki UPKK dengan mengisi Borang Pendaftaran UPKK. Contohnya adalah seperti di Lampiran 11.

3.2.4.6 Sijil UPKK

Sijil UPKK dihantar oleh pihak Cawangan Penyelaras dan Pembangunan Pendidikan Islam, BAHEIS, JPM, kepada Pengarah UPKK Negeri-negeri (termasuk Kangar, Perlis), pada awal minggu keempat bulan Oktober, tahun penilaian.¹⁸¹

¹⁸⁰ Buku Panduan Ujian Pencapaian & Pemarkahan Kelas KAFA (t.t.), *op. cit.*, h. 4.

¹⁸¹ *Ibid.*

Sijil-sijil UPKK disampaikan kepada para pelajar pada minggu pertama bulan Disember, tahun penilaian.¹⁸² Contoh sijil UPKK yang telah disahkan oleh pihak JAKIM adalah seperti di Lampiran 12.

Antara kelebihan atau faedah ujian ini ialah pelajar-pelajar Tahun 6 yang mempunyai sijil UPKK setelah menamatkan pengajian mereka di peringkat rendah dan bakal menyambung pengajian ke peringkat menengah khasnya aliran agama, maka mereka diberikan keutamaan untuk memasuki Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama di negeri Perlis, seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan, Kangar, Perlis dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Alawiyah, Arau, Perlis serta *Madrasah 'Alawiyah al-Diniyyah*, Arau, Perlis.¹⁸³

3.2.5 Buku Sumber KAFA

Buku sumber KAFA merupakan Buku-buku Huraian Sukatan Pengajian KAFA yang terdiri daripada buku-buku berikut:-

- 3.2.5.1 Tilawah al-Quran
- 3.2.5.2 Tauhid
- 3.2.5.3 Fikah
- 3.2.5.4 Sirah
- 3.2.5.5 Akhlak
- 3.2.5.6 *al-Lughah al-'Arabiyyah*
- 3.2.5.7 Jawi dan Khat

¹⁸² Temubual bersama Encik Mohamad Sabri b. Hj. Bakar, *op. cit.*

¹⁸³ *Ibid.*

Buku-buku tersebut telah disediakan melalui Bengkel Penyediaan Kurikulum dan Buku-buku KAFA yang dianjurkan oleh JAKIM. Penyediaan Buku-buku sumber tersebut merupakan hasil buah fikiran dan idea-idea yang dikemukakan oleh ahli-ahli panel yang dipilih oleh pihak pengajur (JAKIM).¹⁸⁴

Bekas Ketua Penyelia KAFA, JAIPs, Tuan Haji Bahador bin Haji Ayub yang merupakan salah seorang ahli panel terbabit, menjelaskan bahawa proses penyediaan Kurikulum dan Buku-buku Sumber KAFA telah berlangsung pada tahun 1994 dengan dipimpin oleh Encik Wan Bakar bin Wan Dagang, selaku KPP, Cawangan PPPI, JPM, ketika itu.¹⁸⁵

Buku-buku sumber tersebut kemudiannya diedarkan oleh penerbit-penerbit yang dibenarkan oleh JAKIM, mengikut negeri masing-masing. Bagi buku-buku sumber KAFA di Kangar, Perlis, maka kesemuanya diterbitkan oleh Pustaka al-Wasit Sendirian Berhad. Buku-buku yang telah siap diterbitkan itu kemudiannya diletakkan di Unit KAFA, untuk dijual oleh penyelia kepada guru-guru KAFA di Kangar.¹⁸⁶

Namun begitu, buku-buku atau bahan-bahan rujukan lain daripada Buku-buku Sumber KAFA ini, adalah dibenarkan untuk dijadikan bahan pembelajaran dan pengajaran, dengan syarat ia mendapat keizinan JAKIM dan JAIN terlebih dahulu dan ia tidak bertentangan dengan ajaran dan fahaman *Ahlu Sunnah Wa al-Jamā'ah*.¹⁸⁷

¹⁸⁴ Temubual bersama Tuan Hj. Bahador b. Hj. Ayob, *op. cit.*

¹⁸⁵ *Ibid.*

¹⁸⁶ Temubual bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim , *op. cit.*, pada 2 Julai 2003.

¹⁸⁷ Garis Panduan Pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardu ain (t.t.), *op. cit.*, h. 9-10.

3.3 PENGURUSAN KAFA

3.3.1 Pengurusan Kewangan KAFA

3.3.1.1 Sumber Kewangan KAFA

Sumber kewangan KAFA di Kangar, Perlis adalah berpunca daripada peruntukan dari BAHEIS, JAKIM diterima oleh unit ini sebanyak dua kali setahun, iaitu pada awal dan akhir tahun. Peruntukan sebanyak dua kali setahun ini adalah bagi jangka masa enam bulan pertama bagi setiap tahun, dan separuh lagi bagi enam bulan berikutnya.¹⁸⁸

Bagi peruntukan KAFA tahun 2003 sejumlah RM1,000,000.00 telah diterima daripada JAKIM (Bahagian Kewangan) pada 7 Februari 2003 dan sejumlah RM405,720.00 telah diterima pada 17 Julai 2003, menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan KAFA bagi negeri Perlis termasuk Kangar, adalah sebanyak RM1,405,720.00.¹⁸⁹ Peruntukan tersebut adalah berdasarkan laporan belanjawan yang dikemukakan oleh Bahagian Pendidikan, JAIPs dengan mengambil kira anggaran elaun para penyelia tahunan, aktiviti-aktiviti bagi tahun dipohon, bilangan guru terkini dan jumlah baki peruntukan tahun lalu.¹⁹⁰

Peruntukan yang telah diterima kemudiannya disimpan atas nama Akaun Amanah KAFA di Bank Islam, Kangar, Perlis. Segala perbelanjaan, pengurusan dan kelulusan pengeluaran peruntukan tersebut dikawal oleh MAIPs dan akaun

¹⁸⁸ Temubual bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim, *op. cit.*, pada 2 Julai 2003.

¹⁸⁹ Fail Kewangan KAFA, Rujukan: JAIPs/kew/001/89.

¹⁹⁰ Temubual bersama Encik Mohamad Amin b. Yahya, Penyelia dan pegawai kewangan KAFA pada 1 Ogos 2003.

amanah ini juga tidak lari daripada arahan amanah atau *trustdeed* yang dibuat oleh Perbendaharaan Negeri Perlis.¹⁹¹

Setiap peruntukan KAFA yang diterima sama ada belum atau tidak dibelanjakan hendaklah diletakkan ke dalam akaun tersebut. Peruntukan ini juga adalah khusus bagi elaun para penyelia dan guru KAFA sahaja. Adapun peruntukan bagi mengadakan program-program atau aktiviti-aktiviti KAFA, maka ia hendaklah mendapatkan kelulusan bertulis daripada JAKIM terlebih dahulu.¹⁹²

Dividen atau keuntungan daripada simpanan Akaun Amanah KAFA ini, turut dijadikan sumber kewangan Unit KAFA, Kangar, Perlis bagi mengadakan program-program atau aktiviti-aktiviti KAFA dan membeli peralatan KAFA yang berkaitan. Dividen atau keuntungan tersebut adalah sekitar RM1000.00 hingga RM1200.00 sebulan.¹⁹³

3.3.1.2 Elaun Penyelia KAFA

Elaun tetap penyelia KAFA di Kangar adalah berjumlah RM500.00 beserta elaun perjalanan yang berjumlah RM250.00 (maksimum) sebulan, sekiranya mereka menjalankan tugas-tugas seliaan di luar kawasan bekerja. Tuntutan elaun perjalanan tersebut boleh dibuat dengan mengisi Borang Kenyataan Elaun Perjalanan Dalam Negeri yang dikeluarkan JAIPs.¹⁹⁴ Contoh borang tersebut adalah seperti di Lampiran 13.

¹⁹¹ Temubual bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim, *op. cit.*, pada 2 Julai 2003.

¹⁹² Garis Panduan Pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardu ain (t.t.),*op. cit.*, h. 13.

¹⁹³ Temubual bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim, *op. cit.*, pada 2 Julai 2003.

¹⁹⁴ *Ibid.*

Borang tersebut hendaklah disahkan oleh KPP, Bahagian Pendidikan JAIPs, kemudian dikemukakan kepada Bahagian Kewangan JAIPs sebelum 10 haribulan pada bulan berikutnya.¹⁹⁵

3.3.1.3 Elaun Guru KAFA

Elaun bagi setiap guru KAFA di Kangar adalah berdasarkan tempoh ia mengajar. Kadar bayaran bagi satu jam mengajar, adalah berjumlah RM12.00 dan kadar maksimum (24 jam) untuk sebulan mengajar pula berjumlah RM288.00.¹⁹⁶

Bagi pembayaran elaun para penyelia dan guru KAFA di Kangar, maka pihak Unit KAFA, JAIPs dengan diuruskan oleh Encik Mohamad Amin bin Yahya selaku penyelia, merangkap pegawai kewangan KAFA, mengeluarkan baucar yang diluluskan oleh Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perlis bagi setiap tuntutan yang dibuat.¹⁹⁷

Borang Tuntutan Elaun Mengajar Kelas KAFA hendaklah diisi bagi membuat tuntutan tersebut. Borang tersebut hendaklah diisi pada setiap hujung bulan mengajar dan bayaran bagi tuntutan tersebut dijelaskan pada hujung bulan berikutnya. Tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada Unit KAFA, JAIPs sebelum atau pada 10 haribulan pada bulan berikutnya.¹⁹⁸ Contoh Borang Tuntutan Elaun Mengajar Kelas KAFA adalah seperti di Lampiran 14.

¹⁹⁵ *Ibid.*

¹⁹⁶ Garis Panduan Pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardu ain (t.t.), *op. cit.*, h. 11.

¹⁹⁷ Temubual bersama Encik Mohamad Amin b. Yahya, *op. cit.*

¹⁹⁸ *Ibid.*

Borang-borang ini disemak oleh setiap penyelia mengikut kawasan seliaannya satu persatu, lalu diluluskan pembayarannya oleh Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim selaku KPP, Bahagian Pendidikan, JAIPs. Setelah itu, baucar dikeluarkan oleh Pegawai Kewangan KAFA bagi setiap guru KAFA dan akhirnya senarai nama-nama mereka, dihantar ke Bank Islam, Kangar, lalu jumlah elaun tersebut dimasukkan ke dalam akaun mereka masing-masing.¹⁹⁹

3.3.1.4 Caruman KWSP

Penyelia dan Guru-guru KAFA di Kangar yang berumur di bawah 55 tahun, hendaklah membuat caruman elaun bulanan mereka di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).²⁰⁰

Bagi penyelia dan Guru-guru yang berumur 55 tahun atau lebih, maka mereka diberi pilihan untuk mencarum atau sebaliknya di KWSP. Namun begitu, mereka yang memilih untuk tidak mencarum hendaklah memaklumkan kepada pihak JAIPs secara bertulis.²⁰¹

3.3.2 Pengurusan Pewujudan Kelas KAFA

Pewujudan kelas KAFA adalah berdasarkan keperluan dan permohonan masyarakat setempat. Pewujudan kelas tersebut boleh dipertimbangkan jika memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pihak JAKIM. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:-²⁰²

¹⁹⁹ *Ibid.*

²⁰⁰ Temubual bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim, *op. cit.*, pada 2 Julai 2003.

²⁰¹ *Ibid.*

²⁰² Garis Panduan Pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardu ain (t.t.), *op. cit.*, h. 5.

- 3.3.2.1 Mesti ada permohonan bagi pewujudan KAFA yang dibuat oleh masyarakat setempat. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Pewujudan Kelas KAFA. Contoh borang tersebut adalah seperti di Lampiran 15.
- 3.3.2.2 Terdapat 25 hingga 30 orang murid yang berumur di antara 6 hingga 12 tahun bagi menyertai kelas berkenaan.
- 3.3.2.3 Terdapat guru yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia untuk mengendalikan kelas.
- 3.3.2.4 Terdapat premis yang sesuai dan selesa bagi tempat belajar serta dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang mencukupi.

Kelas-kelas yang diwujudkan hendaklah diadakan 2 jam sehari dan sebanyak 3 hari seminggu.²⁰³ Ini adalah bagi memberi peluang kepada murid-murid KAFA mengikuti aktiviti-aktiviti ko kurikulum yang dianjurkan pihak sekolah seperti kelas tambahan, sukan, program persatuan dan lain-lain lagi.²⁰⁴

3.3.3 Pengurusan Pendaftaran Guru-guru KAFA

Penyediaan guru-guru KAFA di Kangar, Perlis adalah berdasarkan keperluan masyarakat setempat. Masyarakat tersebut pula diwakili oleh wakil masing-masing dan mereka berbeza mengikut lokasi KAFA yang bakal diadakan. Bagi KAFA di sekolah-sekolah, maka wakilnya ialah Guru Besar, dan bagi KAFA di masjid-masjid, surau-surau dan dewan-dewan orang ramai, maka wakilnya ialah Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).²⁰⁵

²⁰³ *Ibid.*

²⁰⁴ Temubual bersama Encik Aminuddin b. Mohammad, *op. cit.*

²⁰⁵ Temubual bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim, *op. cit.*, pada 2 Julai 2003.

Wakil-wakil masyarakat setempat tersebut perlu mencalonkan guru-guru yang berkelayakan dan guru-guru tersebut perlu mengemukakan permohonan menjadi guru KAFA dengan mengisi Borang Permohonan Jawatan Guru KAFA, Perlis yang disediakan oleh JAIPs.²⁰⁶ Contoh borang tersebut adalah seperti di Lampiran 16.

Setelah borang ini dihantar, maka guru-guru yang memohon tersebut ditapis untuk ditemuduga bagi melihat kemampuan mereka dalam bidang al-Quran dan fardu ain. Temuduga tersebut adalah secara ujian bertulis dan lisan dengan dikelolakan oleh panel yang dipilih oleh Bahagian Pendidikan, JAIPs.²⁰⁷

Keutamaan diberikan kepada guru-guru yang telah memperolehi Diploma Pendidikan atau lepasan Maktab Perguruan, disebabkan mereka telah pun mahir dalam bidang pengajian Islam dan pedagogi. Tambahan pula, sijil-sijil mereka diperakui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).²⁰⁸

Setelah calon-calon guru KAFA itu lulus dalam temuduga tersebut, maka mereka diberikan surat lantikan lalu ditempatkan di lokasi-lokasi yang dipilih mereka, oleh Unit KAFA, JAIPs. Mereka yang telah bertugas pula, dipantau oleh seorang penyelia di Kangar, dari masa ke semasa.²⁰⁹

²⁰⁶ *Ibid.*

²⁰⁷ *Ibid.*

²⁰⁸ *Ibid.*

²⁰⁹ *Ibid.*

3.3.4 Pengurusan Pendaftaran Murid-murid KAFA

Pendaftaran murid-murid KAFA dibuat oleh pihak pentadbiran sekolah di mana permohonan kebenaran ibu bapa, menghantar anak-anak mereka ke kelas KAFA, diuruskan terlebih dahulu oleh pihak tersebut, sebelum dibuka mana-mana kelas KAFA.²¹⁰

Program KAFA ini masih lagi belum diwajibkan oleh pihak JAKIM mahu pun kerajaan Malaysia ke atas murid-murid sekolah rendah. Oleh yang demikian, penglibatan murid-murid terbabit dalam program KAFA memerlukan kebenaran ibu bapa mereka yang berminat dengan program tersebut.²¹¹

Setelah pihak sekolah menguruskan pendaftaran murid-murid KAFA terbabit, maka mereka dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan tertentu di bawah bimbingan guru-guru yang dibekalkan oleh pihak sekolah itu juga.²¹²

Oleh yang demikian, bilangan murid-murid, guru-guru dan kelas-kelas berbeza di antara suatu tempat dengan tempat yang lain, kerana ia bergantung kepada permintaan dan keperluan tempat berkenaan.²¹³

Bagi program KAFA di masjid-masjid, surau-surau dan dewan-dewan orang ramai, maka pendaftaran murid-muridnya diselenggarakan oleh Pengerusi JKKA. Pengerusi tersebut membuat pengumuman terlebih dahulu kepada orang

²¹⁰ *Ibid.*

²¹¹ *Ibid.*

²¹² *Ibid.*

²¹³ *Ibid.*

ramai yang berminat menghantar anak-anak mereka menyertai program KAFA sebelum pendaftaran.²¹⁴

Ringkasnya, senarai murid-murid KAFA yang telah mendaftar, sama ada di sekolah atau selainnya, dihantar oleh guru-guru KAFA terlibat ke Unit KAFA, JAIPs sebelum dibenarkan beroperasi. Unit KAFA kemudiannya, bertindak merekodkan nama murid-murid terbabit dan bertanggungjawab menyelia kelas-kelas mereka dari masa ke semasa.²¹⁵

3.3.5 Pengurusan Kemudahan P&P KAFA

Pengurusan kemudahan P&P diuruskan oleh Jawatankuasa Pengurusan KAFA di Peringkat Kelas (JPKPK). Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyediakan segala kemudahan kelas, termasuk peralatan mengajar yang sesuai sebelum mengemukakan cadangan untuk pembukaan kelas KAFA kepada JAIN.²¹⁶ Senarai ahli-ahli JPKPK adalah seperti di dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Ahli-ahli JPKPK

Jawatan	Ahli-ahli
Pengerusi	Guru Besar (Bagi KAFA di sekolah) atau Ketua Kampung/Masyarakat/Agama (Bagi KAFA bukan di sekolah).
Setiausaha	(Guru Kanan/Biasa/Setiausaha Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)/Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).
Bendahari	Sesiapa yang difikirkan sesuai.
Ahli	Tokoh-tokoh Agama/Pendidikan dan sebagainya (tidak lebih daripada 5 orang).

Sumber: Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam, JAKIM

²¹⁴ *Ibid.*

²¹⁵ *Ibid.*

²¹⁶ Garis Panduan Pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardu ain (t.t.), *op. cit.*, h. 10.

Bagi urusan pembelian peralatan mengajar dan keperluan-keperluan asas yang lain, JPKPK boleh mengutip yuran secara sukarela daripada ibu bapa atau penjaga murid-murid yang pada pendapat JPPK berkemampuan.²¹⁷

Unit KAFA di JAIPs hanya menyediakan Buku Ringkasan Mengajar, Buku Kedatangan Murid dan Buku Panduan Mengajar. Buku-buku Sumber KAFA bagi setiap mata pelajaran yang diajar pula, hendaklah dibeli daripada Penyelia KAFA di Unit KAFA, Bahagian Pendidikan, JAIPs.²¹⁸

Di samping itu, JPN Perlis juga memberikan kerjasama membenarkan penggunaan bangunan dan kemudahan asas yang diperlukan bagi melaksanakan program KAFA di sekolah-sekolah kebangsaan di Kangar.²¹⁹

Namun demikian, kemudahan kerusi, meja, dan peralatan kelas yang berkaitan tidak disediakan di masjid-masjid dan surau-surau.²²⁰ Justeru, penulis mendapati bahawa murid-murid di tempat-tempat tersebut, hanya mengikuti kelas KAFA secara duduk berkumpulan atau disebut *halaqah* dengan dikendalikan oleh seorang guru.

Bagi kemudahan ABM seperti kad-kad, *Overhead Projector* (OHP), televisyen, radio dan sebagainya, maka Unit KAFA, JAIPs tidak menyediakan peralatan tersebut bagi kelas KAFA, sebaliknya ia bergantung kepada kemudahan

²¹⁷ *Ibid.*

²¹⁸ Temubual bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim, *op. cit.*, pada 2 Julai 2003.

²¹⁹ Temubual bersama Tuan Hj. Bahador b. Hj. Ayob, *op. cit.*

²²⁰ Temubual bersama Puan Rohaizam bt. Abd. Rahim, *op. cit.*, pada 2 Julai 2003.

yang disediakan oleh pihak setempat dan inisiatif guru-guru KAFA masing-masing.²²¹

3.4 RUMUSAN

Pentadbiran dan pengurusan KAFA di Kangar, Perlis, dikendalikan oleh Unit KAFA, Bahagian Pendidikan, JAIPs, dengan bantuan pihak pusat (JAKIM).

Di samping itu, Persatuan Guru-guru al-Quran dan Fardu Ain Negeri Perlis, diwujudkan bagi menguruskan hal-hal kebajikan para guru KAFA dan membantu Unit KAFA, JAIPs, bagi menganjurkan aktiviti-aktiviti KAFA berkaitan.

Bidang-bidang pentadbiran KAFA yang dikendalikan oleh Unit KAFA, JAIPs, merangkumi penyediaan kursus-kursus dan latihan-latihan bagi para penyelia dan guru KAFA. Ia juga meliputi pentadbiran UPKK dan buku-buku sumber KAFA.

Adapun bidang-bidang pengurusan KAFA yang dikendalikan oleh unit yang sama, meliputi pengurusan kewangan, pewujudan kelas-kelas KAFA, pendaftaran guru-guru dan murid-murid KAFA serta penyediaan kemudahan P&P KAFA.

²²¹ *Ibid.*